

KENYATAAN MEDIA

17 Februari 2020

Untuk Edaran Segera

MEMPERKASA EKONOMI DAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN BUMIPUTERA JOHOR MELALUI TERAJU DENGAN KERJASAMA KERAJAAN NEGERI JOHOR

17 Februari 2020, JOHOR – Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang baru dilantik, Tn Hj Md Silmi bin Abd. Rahman telah memulakan sesi lawatan rasmi di Wilayah Selatan, Johor bermula pada 16hb - 18hb Februari 2020.

Kunjungan hormat ke pejabat YB Tuan Sheikh Umar Baghrib bin Ali, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Koperasi, Sains dan Teknologi Negeri Johor (EXCO) ini bermatlamat membincangkan usahasama TERAJU dengan pentadbiran kerajaan negeri Johor dalam aspek pelaksanaan program dan inisiatif berkaitan usahawan Bumiputera.

TERAJU melalui wakil pejabat TERAJU@Iskandar Malaysia merupakan ahli tetap di dalam Majlis Pembangunan Usahawan Negeri Johor (MPUNJ), iaitu satu jawatankuasa yang dipengerusikan sendiri oleh YB EXCO bagi membincangkan dan menyelaras segala usaha-usaha membangunkan usahawan-usahawan di negeri Johor secara sistematik, strategik dan menyeluruh.

Antara aspek yang terus diberi penekanan oleh TERAJU dan Kerajaan Negeri Johor adalah pembiayaan, latihan, konsultansi, pensijilan dan pematuhan serta lain-lain keperluan bagi mendepani cabaran dalam persekitaran yang sentiasa berubah dan progresif. Sektor-sektor serta *trend* baharu turut diberi perhatian khusus agar perniagaan milik Bumiputera kekal relevan dan berdaya saing.

TERAJU juga terlibat secara instrumental bersama Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Johor berhubung cadangan penubuhan Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera Negeri Johor. Pengumuman penubuhan jawatankuasa ini dibuat oleh YAB MB Johor sebagai salah satu titik fokus utama dalam pembentangan Belanjawan Johor 2020 lalu.

Hasrat ini dilihat bertepatan masanya dan selari dengan komitmen Kerajaan Negeri Johor 2020 dalam mendukung aspirasi dan menyumbang kepada pencapaian cemerlang akan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Peranan aktif TERAJU akan turut diberikan kepada cadangan penganjuran Konvensyen Halatuju Bumiputera Johor kelak.

Tn Hj Silmi turut membuat kunjungan ke pejabat **YBhg. Datuk Ismail bin Ibrahim, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)** sebagai tanda pengukuhan kerjasama di antara kedua-dua organisasi yang telah terjalin sejak pembukaan pejabat TERAJU@Iskandar Malaysia di IRDA. Sebagai maklumat, TERAJU telah memulakan operasi bagi kawasan melibatkan koridor ekonomi Iskandar Malaysia dan Wilayah Selatan secara amnya bermula pada bulan Ogos 2012.

TERAJU menyambut baik hasrat Kerajaan Persekutuan yang mengumumkan perluasan kawasan Iskandar Malaysia daripada 2,217 km persegi kepada 4,749 km persegi, dimana kawasan-kawasan baru ini akan merangkumi bahagian-bahagian Kluang, Kota Tinggi di timur dan Pontian di barat. Ianya dilihat sebagai langkah positif untuk TERAJU terus bekerjasama dengan IRDA bagi pelaksanaan agenda pembangunan usahawan Bumiputera dengan inisiatif-inisiatif baru yang lebih berimpak tinggi dan holistik.

Pada masa ini, melalui inisiatif Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) TERAJU, satu kertas cadangan membabitkan program "Kawan Iskandar Malaysia" (KIM) kelolaan IRDA sedang diperincikan dengan objektif menambah nilai agar komuniti-komuniti yang terlibat diberi latihan dan infrastruktur khusus berkaitan transformasi perniagaan menggunakan teknologi digital.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Tn Hj Md Silmi Abd Rahman, program terbabit adalah bertepatan dengan kehendak pasaran dan sejajar dengan komitmen kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi menerusi transformasi digital dan menjadikan Malaysia sebagai hab Industri 4.0 di rantau Asia Tenggara.

Sebagai respon kepada Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), TERAJU sedang secara proaktif berusaha untuk mengenalpasti dan membantu mewujudkan peluang dalam sektor teknologi tinggi, bernilai tinggi dan yang memberi kesan seperti teknologi mampan,

aeroangkasa dan trend seperti Internet Perkara (IoT), robotik, realiti maya (VR) dan kecerdasan buatan (AI).

Selain daripada program DPUB, TERAJU berhasrat untuk terus bekerjasama dengan pihak IRDA selaku rakan strategik melalui pelaksanaan program Dana Mudahcara (*Facilitation Fund*) dan Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) agar ianya terus memberi manfaat kepada kelompok Bumiputera di Iskandar Malaysia dan Johor secara amnya.

Pada kesempatan ini, Tn Hj Md Silmi juga turut menghadiri “**Teh Tarik Session**”, iaitu satu majlis perjumpaan tertutup di antara usahawan-usahawan yang telah menerima manfaat TERAJU yang kini telah memasuki siri ke-4 penganjuran. Sesi ini menghimpunkan penerima bantuan Dana Mudahcara, syarikat berstatus TERAS, pemenang program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dan usahawan-usahawan di bawah program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) untuk bersama-sama dengan pengurusan TERAJU dalam usaha mengukuhkan jalinan silaturrahim, bertukar-tukar pendapat dan berkongsi maklumat berkaitan pembangunan usahawan Bumiputera.

Menurut Tn Hj Md Silmi, sesi tersebut adalah wacana penting untuk TERAJU mendapatkan maklumbalas bagi memahami situasi dan isu-isu terutamanya di peringkat pelaksanaan dalam usaha memperkasakan pembangunan ekonomi yang kini ditunjangi oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA). Ia juga akan membantu TERAJU mendapatkan maklumat tepat dan sebenar dalam merangka program-program baru bagi tahun 2020 dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

- TAMAT -

MENGENAI TERAJU

TERAJU, Unit Peneraju Agenda Bumiputera, Agenda Bumiputera ditubuhkan pada tahun 2011 oleh Jabatan Perdana Menteri sebagai unit strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaraskan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, TERAJU merupakan agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dipacu berdasarkan lima teras di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) – iaitu, memperkukuhkan modal insan, menggalakkan pekerjaan dan pendapatan bernilai tinggi, meningkatkan saham Bumiputera dan nilai ekuiti korporat, memperkukuh keusahawanan, serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Selain daripada sudut ekonomi, TERAJU juga berperanan dalam aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, hidup dalam persekitaran yang selesa dan dinamik, serta

mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan penerapan aspek sosial melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)
Aras 5, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU7/3
Mutiarra Damansara, 47810 Selangor Darul Ehsan
T: +603 7839 8000 | F: +603 7839 100 | M: 019 966 2717
E: siti.zubaidah@teraju.gov.my | W: www.teraju.gov.my